



## SKYSCRAPER

### TERMA DAN SYARAT

#### A. BASIC TERMS

1	<b>Penganjur</b>	<b>MEASAT BROADCAST NETWORK SYSTEMS SDN BHD</b> All Asia Broadcast Centre Technology Park Malaysia Lebuhraya Puchong Sungai Besi Bukit Jalil 57000 Kuala Lumpur, Malaysia
2	<b>Nama Peraduan</b>	SKYSCRAPER
3	<b>Penerangan Ringkas Peraduan / Program</b>	Peraduan ini diadakan untuk mempromosikan laman web rasmi Astro Gempak yang boleh dilihat melalui telefon bimbit mahupun komputer meja
4	<b>Mekanisme Ringkas Peraduan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>a) Peraduan ini diadakan pada 5 Julai 2018 sehingga 8 Julai 2018</li><li>b) Peserta dikehendaki untuk melayari laman web rasmi Astro Gempak untuk memasuki pertandingan</li><li>c) Peserta perlu menjawab kesemua soalan yang diberikan oleh Astro Gempak</li><li>d) Pemenang akan dipilih berdasarkan jawapan yang betul sahaja</li></ul>
5	<b>Kriteria Kelayakan</b>	Tertakluk kepada kriteria lain yang dinyatakan di bawah iaitu di dalam Terma dan Syarat dan Piawaian Peraduan.  Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan tidak mempunyai sebarang had umur.

6	<b>Kriteria Ke Tidak Layakan</b>	<p>Pekerja dari Astro Malaysia Holdings Bhd, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Entertainment Sdn Bhd, Astro Shaw Sdn Bhd, Astro Production Sdn Bhd, Digital Five Sdn Bhd, dan Astro All Asia Network dan kesemua ahli keluarga terdekat</p> <p><b>*Ahli keluarga terdekat termasuk pasangan, anak-anak, ibu bapa dan adik beradik</b></p>
7	<b>Umur Kelayakan</b>	<p>Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan tidak mempunyai sebarang had umur. Peserta di bawah umur 18 tahun pada 1 Januari 2018 mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga sahnya untuk layak menyertai pertandingan dan menerima hadiah tersebut. Pihak Penganjur menganggapnya tanggungjawab ibu bapa dan/atau penjaga untuk memantau penyertaan anak-anak mereka dalam pertandingan ini.</p>
8	<b>Caj</b>	<p>Pihak Penganjur tidak mengenakan sebarang bayaran untuk penyertaan pertandingan yang dikemukakan oleh peserta.</p>
9	<b>Tempoh Peraduan</b>	<p>Peraduan ini diadakan daripada 5 Julai 2018 hingga 8 Julai 2018.</p> <p>Pihak penganjur mempunyai hak untuk mengubah, menangguhkan atau menjadualkan semula tempoh peraduan, tarikh pengumpulan hadiah atau mana-mana tarikh yang berkaitan dengan peraduan.</p>
10	<b>Bahasa Rasmi Peraduan</b>	<p>Peraduan akan diadakan dalam Bahasa Malaysia.</p>

11	<b>Prosedur Peraduan</b>	<p>a) Peraduan ini diadakan pada 5 Julai 2018 sehingga 8 Julai 2018</p> <p>b) Peserta dikehendaki untuk melayari laman web rasmi Astro Gempak untuk memasuki pertandingan</p> <p>c) Peserta perlu menjawab kesemua soalan yang diberikan oleh Astro Gempak</p> <p>d) Pemenang akan dipilih berdasarkan jawapan yang betul sahaja</p> <p>Pihak penganjur berhak untuk meminta Kad Pengenalan asal atau mana-mana dokumen asal peserta sebagai tujuan pengesahan</p>
12	<b>Tarikh Akhir Peraduan</b>	<p>Kesemua penyertaan harus diterima sebelum jam 11.59 malam pada 8 Julai 2018</p> <p>Penyertaan yang diterima sebelum bermulanya tempoh peraduan dan selepas tamatnya tempoh yang telah ditetapkan akan hilang kelayakan untuk memenangi hadiah dari SKYSCRAPER</p>
13	<b>Mod</b>	Layari laman web rasmi Astro Gempak samada melalui telefon bimbit atau komputer meja
14	<b>Alamat Rasmi Peraduan</b>	Laman web rasmi Astro Gempak
15	<b>Pemilihan Pemenang</b>	<p>Pemenang akan dipilih sebaik sahaja peraduan tamat.</p> <p>Keputusan daripada Pihak Penganjur adalah muktamad. Sebarang pertanyaan atau rayuan tidak akan dilayan.</p>
16	<b>Hadiah</b>	Tiket tayangan perdana filem SKYSCRAPER

17	<b>Pengumuman Pemenang</b>	Pemenang akan diberitahu melalui emel
18	<b>Tempoh Penebusan Hadiah</b>	<p>Tertakluk kepada bentuk hadiah yang akan diterima.</p> <p>Barangan eksklusif dari filem akan dipos kepada pemenang.</p> <p>Tiket tayangan perdana harus ditebus pada tarikh yang telah diberi oleh Pihak Penganjur</p>
19	<b>Tempat Penebusan Hadiah</b>	Tetakluk kepada bentuk hadiah yang akan diterima oleh pemenang
20	<b>Syarat Tambahan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Peserta yang layak untuk menyertai peraduan boleh mengemukakan beberapa bilangan penyertaan. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada Klausula (b) di bawah. Setiap peserta yang layak hanya akan mendapat satu hadiah sepanjang tempoh peraduan</li> <li>b) Peserta tidak layak untuk memenangi hadiah dalam peraduan ini jika dia telah memenangi sebarang bentuk atau hadiah lain dalam mana-mana peraduan lain yang diadakan oleh penganjur dalam tempoh dua bulan yang lepas dari tarikh nama pemenang peraduan ini diumumkan</li> <li>c) Pemenang peraduan mesti terus menjadi pelanggan Astro Gempak sehingga pengumpulan hadiah. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan nama peserta yang gagal untuk berbuat demikian</li> <li>d) Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa masalah, kerugian dan/atau kerosakan yang dialami oleh pihak pemenang disebabkan oleh sebarang kelewatan dan/atau kegagalan dalam menebus hadiah pertandingan</li> </ul>

Terma Asas dan Terma dan Syarat Standard Peraduan ("Terma dan Syarat" secara kolektif) dan Notis Privasi akan mengikat semua peserta yang menyertai Peraduan ini ("Peserta"). Takrifan dalam Terma dan Syarat Standard Peraduan akan diguna pakai melainkan sebaliknya dinyatakan dengan jelas dalam Terma Asas. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara Terma Asas, Terma dan Syarat Standard Peraduan dan Notis Privasi, Syarat Asas dan Notis Privasi akan mengatasi sejauh mana ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan tanpa syarat oleh Peserta Terma dan Syarat dan Notis Privasi.